

**UCAPAN OLEH
YABHG TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI MAJLIS PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT DOKTOR
KEPEMIMPINAN DAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN
OLEH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
PADA HARI SELASA, 24 OGOS 2004**

Terlebih dahulu saya ucap berbanyak terima kasih kerana kesudian Universiti Pendidikan Sultan Idris menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kepemimpinan dan Pembangunan Pendidikan kepada saya.

2. Sebagai seorang yang mendapat banyak manfaat dan nikmat daripada pendidikan, anugerah ini menambah makna kepada pendidikan bagi diri saya. Dan saya percaya siapa sahaja akan mendapat banyak manfaat dan nikmat daripada pendidikan.

3. Sistem pendidikan telah melalui banyak fasa dan kemajuan sejak tamaddun manusia bermula lebih kurang 4000 tahun dahulu. Pada mulanya ia tidaklah begitu tersusun, hanya diadakan dengan ahli pemikir menyampaikan hasil pemikiran mereka kepada orang tertentu yang sanggup mendengarnya. Anak kepada yang dipertuankan oleh masyarakat mungkin dapat mempelajari sedikit sebanyak dari penasihat-penasihat kepada ayahanda mereka. Kemudian mungkin mereka yang dianggap terpelajar dilantik untuk mengajar anak kepada raja-raja atau pembesar. Orang biasa tidak mungkin mempelajari apa-apa ilmu.

4. Sudah tentu cara-cara pendidikan ini tidak menolong mengembangkan penguasaan ilmu dengan meluas. Walaupun demikian masyarakat yang mempunyai ramai yang terdidik dapat meningkatkan tamaddun mereka dan kepemimpinan bagi tamaddun ini.

5. Kita tahu semakin lama semakin meluas ilmu pengetahuan yang dikembangkan melalui pendidikan yang lebih sistematik. Dan masyarakat yang berjaya mengadakan pendidikan yang lebih teratur dan menyeluruh tetap dapat mendirikan tamaddun yang semakin tinggi.

6. Ciptaan simbol-simbol yang boleh diterjemahkan oleh pembaca mengembangkan lagi pendidikan. Dengan ini ilmu semakin mudah dipelajari.

Tamaddun-tamaddun yang memiliki sistem simbol-simbol yang lebih mudah dibaca tetap menjadi lebih berpengetahuan, berjaya dan canggih.

7. Sesuatu yang ternampak jelas ialah semakin kurangnya jumlah simbol-simbol yang perlu diguna untuk mengenali sesuatu barangan atau idea, semakin mudah perkembangan ilmu pengetahuan. Demikian huruf ciptaan orang Cina berjumlah beribu-beribu dengan satu simbol menggambarkan satu barangan, keadaan atau pemikiran. Sudah tentu penguasaan Huruf Cina dan maknanya sukar dicapai dalam jangkamasa yang pendek. Ilmu tidak dapat dikembangkan dengan meluas dengannya, walaupun ia lebih berkembang berbanding dengan masyarakat-masyarakat lain di zaman huruf-huruf Cina mula dicipta.

8. Huruf Jawi berjumlah hanya 35 dan cantuman huruf-huruf ini boleh dikenali dengan bunyinya dan maknanya dan dengan itu penguasaan ilmu melalui huruf-huruf berjumlah 35 ini menjadi lebih mudah. Tidaklah perlu dihafal sesuatu huruf atau lukisan akan apa maknanya seperti huruf Cina atau tulisan Bahasa Egypt (Mesir) tua.

9. Huruf Rumi pula hanya berjumlah 26 dan seperti huruf Jawi cantuman huruf-huruf ini mudah diperkatakan dan dikenali.

10. Tetapi yang termudah sekali ialah sistem binary atau digital iaitu dengan hanya dua simbol, 0 dan 1, semua perkataan dan idea boleh dieja dengan cukup tepat. Kerana sistem binary inilah maka komputer dapat dicipta dengan mengguna mikrochip, iaitu alat yang mempunyai beratus ribu, bahkan berjuta switch 0 dan 1 yang boleh disusun untuk mengeja semua perkataan walau bagaimana kompleks dan panjang sekalipun. Segala perkiraan dan perhitungan boleh dibuat hanya dengan dua huruf atau angka ini. Oleh kerana begitu pantas switch on dan off dalam mikrochip, penulisan atau perkiraan yang memerlukan banyak simbol binary dapat dibuat dalam masa yang amat pendek. Walaupun manusia boleh membaca tulisan binary tetapi ia mengambil masa yang terlalu lama. Justeru itu mesin yang sudah diprogramkan boleh membaca bagi manusia dalam sekelip mata.

11. Kemajuan tulisan binary bersama dengan ciptaan mesin untuk membacanya memperluaskan lagi akses kita kepada ilmu. Walaupun demikian sistem tulisan Cina mempunyai sedikit kelebihan kerana ia boleh dibaca dalam bahasa yang lain dari Cina, termasuk dialek-dialek Cina dan dalam Bahasa Jepun. Sebenarnya kita juga boleh baca tulisan Cina dalam bahasa kita, Bahasa Melayu jika kita ingin.

12. Walaupun pengenalan huruf yang mempunyai bunyi tertentu dalam tulisan Arab atau Jawi dan Rumi dapat memperluaskan penyampaian maklumat tetapi untuk memproses maklumat ia masih mengambil masa.

13. Yang jelas ialah tiap kali simbol yang lebih mudah dicipta, maka lebih luaslah perkembangan ilmu dan peningkatan tamaddun. Di zaman ini pengenalan tulisan binary serta mesin yang boleh membacanya, mencetak dan menyebut bunyi perkataan dengan terang menjadikan pendidikan jauh lebih mudah.

14. Demikian dengan menggunakan software yang disediakan oleh pakar pendidikan, didikan menjadi lebih mudah dan lebih berkualiti kerana kelemahan guru tempatan tidak lagi akan menjejaskan kualiti pendidikan. Dalam mempelajari bahasa umpamanya pelajar boleh lihat tulisan perkataan, sebutan dengan loghat yang terbaik, mengulang sesuatu berkali-kali, bertanya dan mendapat jawapan dari pakar yang telah menyediakan software. Guru bilik darjah mungkin tidak dapat menyebut perkataan atau menjawab soalan tetapi software boleh menyebut perkataan dengan baik berkali-kali dan menjawab semua soalan. Dengan demikian bukan sahaja murid dapat belajar tetapi guru juga boleh memperbaiki tahap pencapaian mereka.

15. Yang jelas ialah di zaman ini pendidikan sudah menjadi begitu mudah dan kualiti pula begitu tinggi. Tidak ada sebab kenapa harus ada masyarakat yang ketinggalan zaman kerana kurang berilmu.

16. Satu daripada kurniaan Allah s.w.t. kepada manusia ialah apabila manusia mengulangi sesuatu ia akan menjadi semakin cekap. Ada orang yang mudah ingat apa pengalamannya atau apa yang dipelajarinya. Tetapi ada pula yang sukar menerap ilmu yang dipelajari olehnya. Pencapaian dalam bidang penguasaan ilmu atau kecekapan tidaklah sama antara seorang dengan orang lain.

17. Tetapi bagi yang tidak mudah menerap ilmu atau kecekapan, penguasaan boleh dicapai jika ada kesanggupan mengulangi sesuatu berkali-kali. Lebih kerap dan lebih banyak kali sesuatu itu diulangi lebih pandai dan lebih cekaplah seseorang akhirnya.

18. Ini adalah satu nikmat yang ada pada kita semua. Kita hanya dikehendaki mengulangi sesuatu berkali-kali maka tidak dapat tidak kita akan menguasai ilmu atau kecekapan berkenaan. Tetapi seperti kata Mat Salleh, kita boleh bawa kuda ke perigi tetapi kita tidak dapat tentukan ia akan minum air. Demikian walaupun di zaman yang segala kemudahan untuk berlajar disediakan, bagi yang tidak ingin belajar, iaitu tidak mahu menafatkan nikmat Tuhan, ilmu dan kecekapan tidak akan dikuasai juga.

19. Di Malaysia Kerajaan membelanjakan 25 peratus dari belanjawan tahunan untuk pendidikan. Tidak ada negara yang maju atau membangun yang membelanjakan sebegitu banyak wang untuk pendidikan. Daripada sebuah universiti di waktu merdeka kita mempunyai hari ini 17 buah universiti awam,

beratus institut pengajian tinggi, pusat-pusat latihan kemahiran dan bermacam institusi lagi.

20. Tidak ada kawasan walau bagaimana terpencil sekalipun yang tidak mempunyai sekolah rendah dan menengah. Keselesaan dan peralatan di sekolah-sekolah ini adalah di antara yang terbaik di dunia.

21. Hampir separuh daripada yang berkhidmat dengan Kerajaan adalah guru di berbagai-bagai peringkat.

22. Pendidikan diperingkat rendah adalah percuma dan bagi yang tidak mampu biasiswa dan pinjaman disediakan supaya pelajaran dapat diteruskan hingga ke peringkat tertinggi.

23. Semua rakyat Malaysia boleh mendapat akses kepada pendidikan. Mungkin jurusan atau bidang yang diminati tidak diperolehi. Tetapi umumnya segala kemudahan untuk pendidikan sudah pun dibekalkan untuk rakyat di Malaysia.

24. Yang menimbul kekhawatiran dan kerisauan ialah dalam sejarah manusia, bangsa yang tidak berilmu pengetahuan akan menjadi lemah, tidak berupaya berdiri tamaddun yang segar, dan akan ditindas oleh bangsa yang lebih berilmu dan maju. Dalam sesuatu masyarakat pun yang lebih berilmu secara langsung atau tidak langsung akan menguasai yang tidak berilmu.

25. Bangsa yang bertanggungjawab dan tahu malu akan berusaha menguasai ilmu dengan gigih dan tekun. Seperti yang dijelaskan tadi penguasaan ilmu dan juga kecekapan bergantung bukan sangat kepada kebolehan semulajadi tetapi kepada kesanggupan mengulangi sesuatu yang hendak dikuasai, samada ilmu atau kemahiran, berulang kali dengan tidak berasa jemu. Insyallah dengan ini segala-galanya boleh dipelajari dan dikuasai oleh hampir siapa sahaja.

26. Hari ini dengan adanya sistem simpanan dan bekalan data dan maklumat dalam komputer, dan dengan software yang semakin canggih dan memudahkan, pendidikan dan penguasaan ilmu menjadi amat mudah. Sebenarnya siapa sahaja yang ingin menguasai ilmu tidak pun perlu ke sekolah atau mendapat pendidik yang cekap, tetapi ilmu boleh dipelajari di rumah sendiri dengan menggunakan komputer dan isi kandungannya serta software.

27. Apakah peranan pendidik jikalau semua ilmu boleh dipelajari dengan komputer dan software? Pendidik perlu dididik supaya menguasai cara-cara mengguna komputer dan software dan menyediakan komputer software. Software boleh ditingkatkan keberkesannya dengan mempermudah lagi cara-cara menyampaikan maklumat berkenaan dengan tiap ilmu. Ini boleh dilakukan sepanjang masa. Ingatlah perniagaan yang termaju di dunia yang

dimiliki oleh Bill Gates, bukanlah pengeluar barangan tetapi pengeluar software “windows” yang ditingkatkan (updated) sepanjang masa. Pendidik yang cekap menulis software adalah pendidik yang diperlukan untuk masa depan negara kita. Sesungguhnya negara yang mempunyai jumlah penulis software yang banyak akan maju dengan pesat.

28. Tetapi cara-cara mengajar dan mendidik dalam bilik darjah masih perlu dipelajari di waktu ini kerana dari pengetahuan itulah maka ilmu untuk komputer software akan dapat dicipta. Namun demikian akhirnya kecekapan mendidik dalam darjah akan tidak diperlukan lagi kerana didikan melalui software akan mendatangkan ilham untuk software yang baru yang lebih baik dan lebih mudah. Pendidik akan dididik hanya untuk menjadi pakar penyelia didikan yang mengguna software. Institusi-institusi yang dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan pendidik perlulah memberi perhatian kepada kemungkinan ini.

29. Penguasaan ilmu bukanlah matlamat terakhir bagi seseorang. Matlamat sebenarnya ialah penggunaan ilmu yang dikuasai untuk menjayakan diri dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

30. Jaya atau tidaknya seseorang bergantung kepada nilai-nilai hidup yang dipegang dan diamal olehnya. Demikian juga jaya atau tidaknya sesuatu bangsa, sesuatu negara bergantung kepada budaya bangsa dan negara itu, iaitu nilai-nilai yang secara umum diterima dan diamal oleh bangsa dan negara itu.

31. Justeru itu pendidikan murid dan penuntut perlu disertai dengan semaian nilai-nilai yang mulia yang boleh mendatangkan hasil yang baik dari ilmu yang dimiliki serta membentuk kepemimpinan yang terbaik di kalangan mereka yang dididik dari sekecil-kecilnya hingga mereka menyertai masyarakat sebenar. Memanglah usaha memupuk nilai-nilai hidup perlu bermula di rumah oleh ibu bapa. Tetapi biasanya ibu bapa tidak terlatih dan tidak konsisten. Bahkan ada pun yang tidak layak mendidik anak.

32. Tetapi di sekolah pendidik yang terlatih dalam bidang budaya dan peranan nilai hidup, terutama guru agama dan moral boleh menyemai dan memupuk nilai mulia dan kepemimpinan dengan lebih teratur, tepat dan berkesan.

33. Kita tahu ada bangsa yang amat maju dan ada bangsa yang tidak dapat memajukan diri. Perbezaan ini berasas kepada budaya khususnya nilai hidup. Bangsa yang disiplin, rajin, tekun, tahu erti malu, beramanah, berani, suka mengejar ilmu dan ingin tahu, tidak mudah kecewa dan pemilik lain-lain nilai hidup yang mulia tetap akan berjaya. Warna kulit, etnik, iklim sekeliling dan lain-lain yang semulajadi tidak menjadi halangan kepada kejayaan seseorang, sesuatu bangsa atau negara.

34. Di zaman ini pula kita dapati terlalu banyak distraction dan kebebasan bagi anak muda sehingga budaya yang tidak baik mudah diresapi oleh mereka. Jika tidak ada satu usaha yang tersusun dan gigih untuk memupuk nilai hidup yang mulia, yang dapat mempertahankan diri dari pengaruh yang tidak baik, sudah tentu kejayaan dan kualiti kepemimpinan tidak akan diserap oleh generasi akan datang. Jika diperhatikan hari ini jenayah bukan sahaja dilakukan oleh penyenyah tetapi oleh orang biasa, termasuk remaja dari keluarga yang dihormati.

35. Justeru itu pendidikan yang utama di kalangan bakal pendidik ialah bagaimana memupuk nilai-nilai yang mulia dan bagaimana membentuk peribadi yang boleh mencapai kejayaan dan kualiti kepemimpinan. Dan masa yang cukup perlu diberi untuk tujuan ini. Di sekolah pula masa perlu diberi kepada tajuk ini. Ahli-ahli psikologi perlu mengkaji dan mengenalpasti cara yang berkesan dalam pendidikan budaya dan nilai hidup.

36. Tanda-tanda nilai moral sudah merosot, terutama di kalangan remaja Melayu di Malaysia sudah ternampak jelas. Sistem demokrasi itu sendiri yang terlalu mengutamakan kebebasan telah menyumbang kepada kemerosotan moral ini.

37. Kita tidak boleh membiar pembentukan nilai yang mulia yang boleh mengurangkan keruntuhan akhlak ditangani secara sambilan oleh masyarakat. Setelah seseorang menyertai masyarakat dengan budaya dan moral yang tidak mampu menangani masalah yang dihadapi, agak terlalu lewat untuk membawanya kembali ke budaya yang mulia.

38. Bukanlah semua latihan dan didikan perlu dipertanggungjawabkan hanya kepada pendidik dan didikan secara formal di sekolah. Tetapi peluang dan kesempatan yang terbesar untuk menerap ilmu dan membentuk peribadi yang mulia serta kepemimpinan yang baik tentulah lebih terdapat semasa dibangku sekolah. Sudah tentu peluang dan kesempatan ini akan menjadi sia-sia jika pendidik tidak disedarkan dan dilatih dengan cukup serius dalam bidang ini.

39. Cara-cara Kepemimpinan dan Pembangunan Pendidikan telah berubah sepanjang sejarah manusia. Hari ini dengan terciptanya sistem binary atau digital dan komputer dengan mikrocircuit, cara-cara pendidikan sudah berubah dengan cara yang radikal. Justeru itu sistem pendidikan perlu dikaji dan disesuaikan dengan alatan berkomunikasi yang canggih. Didikan dalam bidang asas penulisan software untuk kegunaan pendidikan perlu dijadikan satu daripada mata pelajaran untuk pendidik.

40. Dimasa yang sama walau bagaimana canggih sistem pendidikan peranan pendidik dalam pembentukan peribadi yang mulia bukan sahaja tidak boleh diabaikan tetapi ia harus menjadi tugas yang utama bagi pendidik. Justeru itu

pendidik perlu diberi latihan yang cukup dalam bidang ini supaya mereka dapat menentukan murid mereka bukan sahaja berilmu tetapi juga berakhlak mulia.

41. Akhir sekali ingin saya sekali lagi ucap terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah sudi menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kepemimpinan dan Pembangunan Pendidikan kepada saya.
